



MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-2939011
Teleks: HAKIM MA 33548
Fax: 03-2932582

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:(34)dlm.PMT/MS/20

Tarikh:21 November 2000

Hakim Kanan
Mahkamah Sesyen
Kuala Lumpur/Alor Setar/Georgetown/Johor Bahru/
Kuantan/Kuala Terengganu/Kota Bharu

Tuan/Puan

**Tambahan Mahkamah Sesyen
dan Arahan Perpindahan Fail**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa mulai 24 November 2000 beberapa Mahkamah Sesyen akan diadakan seperti berikut:

Mahkamah Sesyen Sungai Petani
Mahkamah Sesyen Butterworth
Mahkamah Sesyen Georgetown
Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur
Mahkamah Sesyen Shah Alam
Mahkamah Sesyen Kelang
Mahkamah Sesyen Muar
Mahkamah Sesyen Johor Bahru
Mahkamah Sesyen Raub
Mahkamah Sesyen Kemaman
Mahkamah Sesyen Gua Musang

Untuk makluman Mahkamah Sesyen Kemaman, Terengganu dan Gua Musang, akan juga mengendalikan kes-kes di bawah bidangkuasa majistret.

3. Tuan/puan dengan ini adalah diarahkan untuk mengambil tindakan untuk memindahkan fail-fail bagi kes yang belum dibicarakan ke Mahkamah Sesyen yang baru. Bagi Mahkamah Sesyen yang diadakan di stesen yang sama dengan Mahkamah Sesyen yang sedia ada maka kes-kes hendaklah dibahagikan mengikut arahan yang berkuatkuasa pada masa kini.


4. Fail-fail yang terlibat dengan pemindahan ke mahkamah baru hendaklah dikekalkan nombor pendaftaran asalnya dan untuk tujuan pentadbiran fail-fail ini hendaklah ditanda dengan huruf tertentu, di hadapan nombor kes sebagai merujuk kepada daerah mahkamah-mahkamah baru tersebut. Bagi fail-fail dibahagikan di stesen yang sama maka hendaklah ditambahkan nombor di hadapan nombor kes sebagai merujuk kepada nombor mahkamah tersebut.

Sehubungan dengan itu sukacita sekiranya tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada pihak-pihak serta Jabatan-Jabatan Kerajaan yang terlibat dengan mahkamah bagi memastikan perjalanan pentadbiran mahkamah baru ini berjalan lancar.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah



(**DATU' ABDUL WAHAB BIN SAID AHMAD**)

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kompleks Mahkamah
Jalan Gersik
Putra Jaya
93050 Kuching

Pegawai Undang-Undang
Bahagian Penyelidikan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur



Perpustakaan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Kuala Lumpur

Pengerusi
Majlis Peguam
No. 5 Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

MZA/fz
Mahkamah sesyen